



TEKS PERUTUSAN

**YB DATO SRI DR HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

BERSEMPENA

HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2017

5 Jun yang merupakan Hari Alam Sekitar Sedunia adalah hari istimewa yang dikhususkan untuk acara alam sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan disambut oleh lebih seratus buah Negara di seluruh dunia sejak tahun 1972. Sambutan secara global ini menjadi inisiatif yang penting dalam menerapkan dan meningkatkan lagi kecintaan masyarakat terhadap alam sekitar. Slogan Hari Alam Sekitar Sedunia 2017 iaitu "*Connecting people to nature*" menggalakkan orang ramai untuk keluar menikmati dan menghargai keindahan alam sekitar semulajadi yang memainkan peranan penting dalam kehidupan harian kita semua. Ekosistem yang seimbang dan terpelihara akan dapat menjamin kehidupan yang lebih berkualiti.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menerusi Jabatan Alam Sekitar (JAS) melaksanakan pelbagai usaha ke arah memastikan pembangunan lestari dalam proses memajukan Negara. Ini penting supaya elemen alam sekitar senantiasa dititikberatkan seiring dengan pembangunan pesat Negara demi memastikan persekitaran yang kondusif, bersih dan selesa kepada rakyat.

Selain itu, pelbagai program kesedaran alam sekitar juga dianjurkan kepada pelbagai kumpulan sasaran dan peringkat masyarakat bermula dari peringkat pelajar pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, institusi pengajian tinggi, industri dan juga orang awam. Usaha-usaha ini juga adalah selaras dengan inisiatif Kerajaan terkini, iaitu Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang dibentuk untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara yang memenuhi aspirasi penduduknya.

Dalam usaha mempertingkatkan lagi penguatkuasaan alam sekitar, pendekatan *Guided Self Regulation* (GSR) dilaksanakan sebagai pelengkap (*complement*) kepada kaedah Command and Control (CAC). Dengan kaedah GSR, JAS memainkan peranan dengan memberikan tunjuk ajar dan latihan kepada *regulated communities* (komuniti yang dikawal) seperti pihak industri, pemaju dan penggerak projek, jururunding, Agensi Kerajaan dan sebagainya bagi mencapai pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Adalah menjadi harapan Kementerian ini agar pihak *regulated communities* akan mencapai status *Self Regulation* (Pematuhan Kendiri Terpimpin) di mana pihak industri sendiri akan memastikan pematuhan kepada perundangan secara berterusan.

Selain itu, JAS juga kini sedang membuat semakan perundangan dengan penjenamaan semula Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Akta ini perlu ditambah baik kerana isu-isu alam sekitar telah mendapat perhatian masyarakat di seluruh Negara. Permintaan orang ramai terhadap kualiti hidup dan persekitaran yang lebih baik memerlukan undang-undang yang komprehensif bagi menghadapi isu-isu alam sekitar yang kompleks.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia juga telah menandatangani dan meratifikasi Perjanjian Paris yang menunjukkan Kerajaan adalah komited untuk melawan kesan perubahan iklim dengan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 45% pada tahun 2030. Antara contoh kesan perubahan iklim di Malaysia adalah seperti cuaca panas melampau dan banjir kilat. Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia, kita sebagai rakyat secara tidak langsung boleh membantu mengurangkan kesan perubahan iklim dengan mengamalkan gaya hidup lestari seperti penjimatan tenaga elektrik dan air, mengurangkan penghasilan buangan, mengasingkan buangan yang boleh dikitar semula, tidak menggunakan polisterin, berbasikal atau berjalan kaki ke kawasan berdekatan dan tidak membuat pembakaran terbuka. Pelbagai aktiviti bersama keluarga juga boleh dijalankan seperti penanaman pokok, gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran, program kitar semula, program pengkomposan dan sebagainya. Gaya hidup lestari ini adalah suatu yang boleh dilakukan oleh semua lapisan masyarakat untuk menjadi *Low Carbon Society*.

Kejayaan dalam memelihara dan memulihara alam sekitar memerlukan kerjasama sepadu daripada semua pihak. Ustazu, adalah menjadi harapan Kerajaan supaya semua lapisan masyarakat dapat berganding bahu dan membentuk *synergy* dalam melindungi alam sekitar untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berteraskan pembangunan lestari atau "*sustainable development*", lebih-lebih lagi di kalangan generasi muda yang menjadi pewaris alam sekitar negara.

Oleh itu, marilah kita semua menyemarakkan lagi kecintaan kepada alam sekitar dan menyemaikan semangat "Negaraku, Alam Sekitarku" demi kesejahteraan alam sekitar untuk warisan sejagat.

"NEGARAKU, ALAM SEKITARKU"

**Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar**